



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	21/7/2013

Antara UMNO, Pas dan Mukhriz

4M - 21/7/2013

MINGGUAN: Apakah Tun melihat cara pemilihan UMNO yang telah berubah dengan melibatkan hampir keseluruhan ahli dalam parti mampu memberi imej yang lebih baik kepada UMNO?

DR. MAHATHIR: Saya belum boleh yakin walaupun caranya mungkin berlainan. Biar pun lebih ramai ahli yang boleh terlibat dalam pemilihan tetapi tetap akan berlaku kepingangan. Oleh itu saya nak lihat apakah mereka ini mahu benar-benar memahami dan menyelesaikan masalah atau masing-masing sebenarnya hendak mencari tempat. Walau dalam apa cara sekalipun akan tetap berlaku kepingangan kerana itu adalah naluri manusia. Sistem yang ada sekarang ini pun sebenarnya telah berjalan selama setengah abad namun UMNO tetap masih bertahan. Dalam sistem mana pun ada yang menang dan ada yang kalah. Itu adalah adat dalam pertandingan.

UMNO dan BN telah menerima tamparan teruk dalam PRU-12, tetapi dalam PRU-13 masih berlaku sabotaj kerana tidak menjadi calon? Apakah kita boleh mengharap akan berlaku kesedaran dalam UMNO selepas ini?

DR. MAHATHIR: Saya ada memanggil ahli-ahli Perhubungan UMNO dan menerangkan kepada mereka bahawa siapa yang menjadi calon tidak penting yang penting parti mesti menang. Kalau mereka sabotaj calon maka parti akan kalah. Maka walaupun tidak suka pada calon tetapi mesti undi. Namun ada juga sebab yang kita tak boleh pertikai kenapa mereka tidak suka kepada calon-calon tertentu. Tapi kita mesti fikir yang penting adalah calon menang kerana jika mereka kalah maka tidak akan jadi kerajaan lagilah. Malangnya orang Melayu masih lagi tertumpu kepada calon, tak mahu calon ini, tak nak calon paracut dan sebagainya. Saya dahulu pun calon paracut, kerana saya bukan duduk di Kota



DR MAHATHIR Mohamad ketika diwawancara oleh (dari kanan) Marhaini Kamaruddin, Zulkiflee Bakar dan Hafizahril Hamid di pejabatnya di Menara Berkembar Petronas.

Setar Selatan tetapi jadi calon di situ. Kemudian berpindah ke Kubang Pasu walaupun saya bukan duduk situ. Namun Alhamdulillah orang terima. Dahulu adalah sesuatu yang biasa bagi orang Kedah misalnya bertanding di Kelantan. Kalau kita lihat pihak pembangkang lebih baik dalam soal ini. Orang yang baru masuk sebagai ahli parti boleh jadi calon dan boleh bertanding di mana-mana pun. Tetapi di dalam UMNO tidak begitu, mesti orang tempatan dan pelbagai syarat lagi.

Mengenai penyatuan orang Melayu dengan kerjasama antara UMNO dan Pas, apakah Tun melihat perkara ini boleh dilakukan?

DR. MAHATHIR: Bagi saya kalau nak bersatu ini adalah susah untuk berlaku

tetapi sepatutnya perlu ada satu persefahaman mengenai kepentingan agama dan bangsa. Jika kita lihat di negara-negara lain, mereka mempunyai *bipartisan decision*. Seperti di Britain ketika perang, Parti Buruh dan Konservatif akan bersatu tetapi ketika bukan perang pun jika sesuatu perkara yang mengancam kepentingan negara, mereka akan bersatu. Malangnya di sini tidak berlaku kerana jika parti kerajaan buat sesuatu maka parti lawan akan kata tidak betul dan begitu juga sebaliknya.

Sebagai contoh dalam isu kalimah Allah, seharusnya kita ketepikan soal parti dan mengutamakan kepentingan agama. Namun paling baik kita semua perlu bersatu kerana jika orang Melayu berpecah kita akan hilang kuasa kerana kita sudah menjadi minoriti, walaupun sebenarnya kita adalah kelompok

majoriti di negara ini dan akhirnya kita akan menjadi kaum pengemis dan meminta-minta di negara sendiri. Kita akan beri macam-macam dan meminta kaum Cina dan India supaya memberi undi kepada kita. Itulah kebijaksanaan orang Melayu.

Bagaimana Tun melihat pertukaran kepimpinan Pas di Kelantan?

DR. MAHATHIR: Saya lihat kepimpinan baharu ini lebih rasional dan lebih sedar tentang perjuangan Pas yang sebenar. Bukan lagi seperti sebelum ini tidak peduli prinsip asalkan menang dalam pilihan raya. Sebab itu kita lihat walaupun DAP maki dan cakap macam-macam tentang agama kita kepimpinan Pas lihat tak mengapa asalkan kita menang sedangkan itu bukan prinsip sebenar Pas. Saya lihat

Pas sekarang sudah sedar dan nak kembali kepada perjuangan asal. Mungkin kerana apa yang berlaku pada pilihan raya lalu, Pas menjadi lemah kerana tidak berpegang pada prinsip.

Prinsip UMNO adalah perkongsian dengan semua kaum supaya negara kita aman dan dalam pada masa sama kita berusaha untuk menjaga kepentingan agama, bangsa dan tanah air. Pas berbeza kerana perjuangannya adalah untuk Islam sahaja tetapi boleh pula bekerjasama dengan mereka yang mencaci dan memaki agama kita. Pas adalah parti terbesar dalam pembangkang tetapi akhirnya menjadi parti terkecil dan merugikan mereka.

Bagaimana Tun melihat prestasi Datuk Mukhriz di Kedah?

DR. MAHATHIR: Agak terlalu awal untuk saya nak kata tetapi saya lihat penerimaan orang ramai agak baik dan tidak banyak masalah walaupun ada yang mengkritik. Tetapi secara keseluruhan rakyat Kedah tidak begitu menentangnya namun soalnya adalah apa jenis perubahan dan kemajuan yang akan dibawa kepada rakyat Kedah. Dari situ barulah kita boleh nilai prestasinya nanti. Namun sekarang ini masih awal lagi.

Apakah beliau ada mendapat nasihat daripada Tun?

DR. MAHATHIR: Saya dahulu tidak pernah mendengar nasihat daripada anak saya dan sekarang pun sama. Ada hari itu dia telefon saya mengenai satu projek di Langkawi, dia tanya sama ada saya terlibat dalam projek itu dan saya kata tak ada. Kalau nama saya ada di dalam tu dia kata tak lulus. Sama seperti saya dahulu jika ada nama anak saya dalam apa-apa projek saya tak lulus. Bukanlah dia nak balas dendam tetapi dia terima pendapat saya jangan bagi apa-apa kepada ahli keluarga.